



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KESIAPSIAGAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DALAM MENGHADAPI RISIKO PENYAKIT EBOLA VIRUS BUNDIBUGYO

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Penyakit Ebola yang disebabkan oleh virus Bundibugyo telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa/ *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) pada 17 Mei 2026 berikutan kejadian wabak tersebut di Republik Demokratik Congo (DRC) dan Uganda.

Sehingga 16 Mei 2026, WHO melaporkan sebanyak lapan (8) kes disahkan makmal, 246 kes disyaki, dan 80 kematian disyaki telah dilaporkan di Wilayah Ituri, DRC. Selain itu, sebanyak dua (2) kes disahkan makmal termasuk satu (1) kematian turut dilaporkan di Kampala, Uganda melibatkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan dari DRC.

KKM ingin menegaskan bahawa sehingga kini tiada kes Ebola dilaporkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, mengambil kira risiko importasi kes melalui perjalanan antarabangsa, KKM terus memperkukuh langkah kesiapsiagaan dan pemantauan bagi memastikan negara sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

KKM memantau pengembara yang memasuki Malaysia dari Uganda dan DRC, termasuk mereka yang melalui penerbangan transit di hab antarabangsa seperti Dubai, Doha, dan Singapura. Buat masa ini, tiada penerbangan terus dari kedua-dua negara tersebut ke Malaysia. Pemantauan dan saringan terus diperkukuh bagi tujuan penilaian risiko kesihatan awam serta pelaksanaan langkah pencegahan awal.

Ebola merupakan penyakit berjangkit serius yang boleh membawa maut. Penularan berlaku melalui kontak rapat dengan darah atau cecair badan individu atau haiwan yang dijangkiti. Antara gejala penyakit termasuk demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan, muntah, cirit-birit dan, dalam sesetengah kes, pendarahan.

Bagi memperkukuh kesiapsiagaan negara, KKM telah melaksanakan dan mempertingkatkan langkah-langkah berikut:

- i. Memperkukuh surveilan dan pemantauan di semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), termasuk lapangan terbang dan pelabuhan;
- ii. Meningkatkan pengesanan awal kes melalui sistem surveilan penyakit berjangkit sedia ada termasuk pemantauan individu bergejala dengan sejarah perjalanan ke kawasan terlibat;
- iii. Memperkukuh kesiapsiagaan fasiliti kesihatan bagi pengesanan, pengasingan, dan pengurusan kes disyaki termasuk pematuhan langkah *Infection Prevention and Control* (IPC);
- iv. Memastikan kesiapsiagaan alat perlindungan diri (PPE) dan latihan petugas kesihatan sentiasa berada pada tahap optimum;
- v. Memperkasa kapasiti diagnostik makmal bagi pengesanan *viral haemorrhagic fever* melalui kerjasama bersama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK); dan
- vi. Memperkukuh koordinasi dan pemantauan risiko global bersama WHO, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), syarikat penerbangan serta agensi berkaitan.

Individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara terlibat dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala seperti demam, sakit badan, muntah atau pendarahan dalam tempoh 21 hari selepas pulang dari negara berkenaan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi KKM dan WHO serta tidak menyebarkan maklumat tidak sah yang boleh menimbulkan kegusaran awam.

KKM akan terus menjalankan pemantauan risiko dan penilaian situasi semasa secara berterusan bagi memastikan kesiapsiagaan negara sentiasa berada pada tahap optimum.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
20 MEI 2026

